

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	21/10/2018	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# SPAN sokong kenyataan menteri

**Kuala Lumpur:** Bekalan air di negara ini selamat diminum terus dari paip kerana rawatannya mematuhi kualiti minimum ditetapkan Kementerian Kesihatan berdasarkan Garis Panduan Kualiti Air Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Mohd Ridhuan Ismail, berkata pematuhan kepada syarat minimum itu menjadikan air dirawat dihasilkan di negara ini selamat diminum serta bebas bakteria termasuk E-Coli.

Justeru, katanya, SPAN mengesahkan dan menyokong kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar yang menyatakan air boleh terus diminum dari paip ketika sidang Dewan Rakyat minggu lalu.

"Bagi memastikan kualiti air sen-



Mohd Ridhuan Ismail

tiasa selamat dan terjamin, tindakan pemantauan dijalankan secara berterusan oleh semua pihak terbahagiatau operator air, Kementerian Kesihatan dan SPAN.

**Kebersihan, kualiti ketat**

"Bahkan, pada peringkat rawatan air di loji, operator air sentiasa memastikan proses rawatan yang berkesan dan menganalisis parameter fizikal, kimia dan mikrobiologi kualiti air secara berterusan supaya mematuhi standard," katanya dalam kenyataan semalam.

Pada masa sama, katanya, sebagai pihak berkuasa kesihatan di negara ini, Kementerian Kesihatan memperkenalkan Program Kebangsaan Kawalan Mutu Air Minum (PKK-MAM) sejak 1983 untuk memantau kualiti air yang dibekalkan oleh operator air.

Program itu membabitkan ujian

Kementerian Kesihatan secara berterusan air loji dan sistem agihan dengan kekerapan mengikut jenis parameter yang diuji.

"Tidak kurang 38 jenis parameter fizikal, kimia dan mikrobiologi dianalisis bermula dari muka sauk loji rawatan air hingga ke sistem agihan dengan kerjasama dari Jabatan Kimia Malaysia.

**6,108 stesen persampelan**

"Selain itu, terdapat 6,108 stesen persampelan yang terdapat di semua 500 buah loji rawatan air serta sistem agihan di seluruh negara dengan jumlah sampel melebihi 186,000.

"Bagi SPAN pula, sebagai badan kawal selia teknikal industri perkhidmatan air, kita turut menjalankan audit berkala di semua loji rawatan air bagi memastikan rawatan dijalankan secara efektif dan bekerjasama dengan KKM bagi memantau

kualiti air yang dirawat dan diagih mematuhi standard," katanya.

**Pengklorinan bumnuh segala bakteria**

Katanya, E-Coli antara parameter mikrobiologi yang dianalisis berterusan oleh operator air serta Kementerian Kesihatan menerusi PKK-MAM yang terbukti bekalan air awam bebas daripadanya.

"Pengklorinan adalah satu proses paling efektif dalam rawatan air bagi membunuh segala bakteria yang ada.

"Di akhir rawatan dan sebelum air diagihkan, operator air dikehendaki memastikan terdapat baki klorin bebas sekurang-kurangnya 0.2 mg/l (milligram per liter) di dalam air terawat untuk membunuh bakteria E-Coli yang berkemungkinan wujud sekitarnya terdapat pencemaran di dalam sistem agihan.